

## SWCorp didik pengguna tidak bazir makanan



SHARUDIN

**KUANTAN** - Kempen Hargai Makanan Elakkan Pembaziran (*Value Food No Waste*) yang dilancarkan sempena sambutan Tahun Baru Cina yang lalu akan diperluaskan untuk sambutan perayaan-perayaan utama yang lain.

Pengarah SWCorp Pahang, Sharudin Hamid berkata, pelaksanaan kempen itu turut diperluaskan di setiap daerah negeri Pahang dengan tumpuan di kawasan komersial, pasar dan tempat tumpuan ramai.

Menurutnya, kempen berkenaan menyasarkan kumpulan sasaran terutama pengguna dan peniaga agar mereka menghargai makanan sebagai sumber yang berharga, selain menyuntik rasa syukur terhadap nikmat yang dikecapi.

"Kempen siri pertama peringkat kebangsaan dilancarkan di Jalan Alor, Kuala Lumpur dan pemilihan lokasi berkenaan adalah hasil inisiatif *River of Life* melalui program pengasingan sisa makanan serta dapur hijau.

"Bagi negeri Pahang, kempen ini telah dilaksanakan di Arabian Bay, Bukit Gambang Resort City pada 22 Januari lalu dan turut diperluaskan ke setiap daerah," katanya kepada *Sinar Harian* di pejabat SWCorp Pahang di sini semalam.

Sharudin berkata, antara pengisian kempen termasuklah taklimat bertajuk Hentikan Penggunaan Plastik Sekali Guna dan demonstrasi *Upcycling 3R*.